

Perkasakan penerbitan buku

ITBM komited semarak kegiatan penerbitan, penterjemahan



JENIRI
AMIR

rencanabh@bh.com.my

Pensyarah Universiti
Malaysia Sarawak

Di bawah teraju kepemimpinan Mohd Khair Ngadiron, Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBM), kini cemerlang dari segi terjemahan, penerbitan dan pemasaran buku. Malah, beliau berjaya mengangkat sastera dan perbukuan dalam bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa melalui dasar terjemahan dan penyertaan dalam festival buku, termasuk Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt dan Pesta Buku Kanak-kanak Bologna. Khair, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bukan saja sentiasa bersikap terbuka dan responsif, malah sentiasa menerima maklum balas dan kritikan bagi memastikan institut itu terus dapat melangkah ke hadapan dan memenuhi objektif penubuhannya.

Beliau ketua yang proaktif, dinamik dan sentiasa mahu memastikan ia menjadi badan korporat moden yang memberi sumbangan besar kepada industri perbukuan di negara ini. Dalam sesi taklimat kepada penilai dan editor buku terbitan ITBM di Kuala Lumpur baru-baru ini, Khair mempunyai fikiran dan dasar yang jelas ke mana ITBM akan dibawanya. ITBM yang asalnya ialah Institut Terjemahan Negara Malaysia yang diwujudkan pada 1993 mulai bertukar haluannya sesudah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada hujung 2011 bersetuju agar institut itu menjadi badan membabitkan penterjemahan dan kejurubahasaan serta institut yang menerbitkan karya asli. Kita mahu melihat kegiatan penerbitan dan penterjemahan buku, khususnya dalam bahasa Melayu.

Permuafakatan kreatif

Kerjasama strategik dan permuafakatan kreatif ITBM dengan Persatuan Penulis Nasional (PENA), sementelahan dengan keprihatinan Perdana Menteri menyalurkan peruntukan kewangan, memungkinkan kita menyaksikan lebih banyak judul, diterbitkan dalam tempoh dua tahun terakhir. Mulai 2008, ITBM telah memulakan program penterjemahan karya sastera kebangsaan secara terancang, dalam pelbagai genre ke dalam pelbagai bahasa dunia, termasuk Jepun, Korea, Perancis dan Jerman.

Melalui dana khas yang disalurkan kepada DBP sejak 2007, 70 penerbit swasta mendapat manfaatnya dengan menerbitkan 325 judul buku. Jumlah peruntukan untuk industri perbukuan sepatutnya diteruskan dan ditingkatkan dari tahun ke tahun. Peluang perlu direbut oleh penulis, kreatif dan bukan kreatif untuk turut menyumbang kepada pembinaan budaya dan intelektual bangsa yang lebih cergas dan cerdas. Jumlah buku di negara ini, mengikut piawai antarabangsa, seharusnya mencecah 28,000 judul, bersekadar dengan jumlah 28 juta penduduk kita, tetapi kini kita hanya berupaya menerbitkan sekitar 19,171 judul tahun lalu, kebanyakannya buku teks dan buku kerja sekolah.

Amerika Syarikat pula menerbitkan

328,000 judul. United Kingdom (150,000), Jerman (82,000), Jepun (78,000), Turki (43,000), dan Korea Selatan (39,000). Sejak Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dikuatkuasakan, hanya 259,692 judul buku diterima. Di manakah silapnya? Walhal, jumlah penulis dan golongan terpelajar sudah meningkat berlipat kali ganda berbanding dekad 1980-an.

Tingkat kreativiti

Untuk sekian lama, kita bagai terbelenggu dengan pelbagai masalah membabitkan penulis, editor, penerbitan, promosi dan pemasaran yang lemah, dana, royalti dan lebih penting budaya membaca yang kurang memberangsangkan. Kita seharusnya tidak lagi mencari seribu alasan untuk tidak menulis, menerbitkan buku atau membaca buku.

Semua pemegang taruh perlu mengemblem tenaga dan kreativiti untuk melonjakkan dunia perbukuan. Hakikatnya, judul buku kita masih terbatas, dengan sebahagian yang laris berkaitan agama. Buku-buku lain berkaitan sejarah, ekonomi, sains, kepemimpinan, biografi, kewangan, sains dan teknologi masih terbatas jumlahnya.

Selain Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit universiti dan penerbit swasta, ITBM adalah satu lagi mekanisme dan dinamik baru yang digantung harapan untuk menggelegakkan dunia perbukuan dan penerbitan di negara ini. Kita bukan saja mahu menyaksikan lebih banyak karya kreatif, tetapi juga karya bukan kreatif termasuk buku ilmiah dalam pelbagai bidang dalam bahasa Melayu diterbitkan dengan kreatif, pantas dan murah di negara ini. Untuk itu, kita perlu memastikan buku turut dinikmati oleh pembaca di luar kota dan bandar utama, tetapi juga di pekan kecil di seluruh negara. Masalahnya, kita tiada rancangan buku yang cepak untuk merealisasikan impian ini sehingga jurang maklumat melebar antara penduduk kota dan desa. Kehadiran lebih banyak Kedai Buku 1Malaysia memudahkan rakyat, terutama di luar bandar membeli buku dengan harga murah.

Dalam keadaan demikianlah, wawasan dan sikap betul di pihak peneraju dan staf ITBM amat dituntut. ITBM yang sudah mencecah usia 20 tahun perlu memperlihatkan kecemerlangan dari segi kerjasama dengan pelbagai pemegang taruh, termasuk penulis, persatuan, editor, penilai, penjual buku dan seumpamanya. Sebuah negara maju, perlu mencapai kemajuan dari segi penerbitan buku. Buku adalah satu daripada indeks atau penanda arus kemajuan, ketamadunan, kemodernan dan keintelektualan bangsa. Kesilapan dan kelemahan penerbit perlu dielakkan, termasuk memeram manuskrip penulis lebih dari dua tahun.



E-mel ke
bhrencana@bh.com.my

untuk berkongsi pendapat anda

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BHSB
Mahfar Ali
mafa@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita
Norhayati Said
yatisaid@bh.com.my

Pengarang
Eksekutif Rencana
Zainor Said
zaino@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my